

Akta Keharmonian Nasional Tidak Jejas Kuasa Kerajaan Jaga Perpaduan - Najib Bernama
17 Julai, 2013

PUTRAJAYA, 17 Julai (Bernama) -- Akta Keharmonian Nasional yang sedang diusahakan bagi menggantikan Akta Hasutan 1948, tidak akan menjejaskan kuasa kerajaan dalam menangani perbuatan yang mengganggu-gugat perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata walaupun kerajaan ingin menjamin kebebasan bersuara setiap warganegara, ia tidak boleh disalah guna sehingga menjejaskan perpaduan dan keharmonian negara.

"Tindakan biadap dan kurang ajar pasangan muda yang menghina agama Islam (baru-baru ini) menunjukkan kebebasan bersuara dan pendapat yang tidak bertanggungjawab, boleh memudaratkan masyarakat," kata pada sidang media di pejabatnya di sini hari ini.

Pasangan Alvin Tan dan Vivian Lee dikecam ramai kerana mempersenda umat Islam dan bulan Ramadan apabila memuat naik gambar mereka menikmati bak kut teh (sup tulang babi) berserta kapsyen yang menyentuh sensitiviti umat Islam di laman sosial Facebook baru-baru ini.

Perdana menteri berkata kerajaan akan memastikan bahawa peruntukan akta baharu itu akan mengekalkan tiga prinsip utama dalam menangani perbuatan yang mendatangkan kebencian dan penghinaan kepada institusi-institusi dan peruntukan perlembagaan sedia ada.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=963919>